

70

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 16.11.2017**

**SOALAN : 33**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah SPRM berjaya menyelesaikan kes rasuah melibatkan pelbagai pihak, tertangguh dan yang digugurkan, aset pesalah yang disita dan dipulangkan dalam 2 tahun lalu.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Berhormat,

Peratus penyiapan Kertas Siasatan tahun 2016 adalah 88.5% dan peratus penyiapan kertas siasatan sehingga 31 Ogos 2017 adalah 55%. Sebaik mungkin, Kertas Siasatan perlu disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 12 bulan dari tarikh pembukaan kertas siasatan. Sekiranya penyiapan melebihi 12 bulan, kertas siasatan

perlu dibentangkan pada Panel Penilaian Operasi (PPO) dengan memberikan alasan di atas kelewatan penyiapan berkenaan.

Bagi aset pesalah yang disita pada 2015 sehingga 2016 adalah seperti berikut:

- i) Pada tahun 2015, jumlah sita di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 sebanyak RM22,270,593.93 dan jumlah aset pesalah yang dipulangkan sebanyak RM10,622,070.99.
- ii) Pada tahun 2016, jumlah sita di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 sebanyak RM207,656,212.85 dan jumlah aset pesalah yang dipulangkan sebanyak RM1,457,330.40.

Sekian, terima kasih.